UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

info kampus

UiTM Sarawak

Jln Meranek, 94300 Kota Samarahan, Peti Surat 1258, Kuching, Sarawak. Tel: 082-677200 Telefax: 082-677300 - e-mail: uitmsamarahan@sarawak.itm.edu.com

Isu 48/49 - Julai/Ogos 05

15hb September 2005





Malam Di Ambang Merdeka





Tahniah! kepada semua keluarga kampus kerana berjaya mendapat

Persijilan ISO 9001:2000 (LRQA)



inside !

Mesej Timb Pengarah HEA & Alumni

Persijilan ISO 9001:2000

Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM)

Toastmasters Club

Pak Mat: A profile

Language of the Heart

Seminar Pemantapan Siswa

Kursus Aplikasi e-Learning

Kecemerlangan Berterusan

Perjalanan menuju Wawasan 2020 yang membawa kita menjadi sebuah negara maju dalam tempoh 15 tahun akan datang berhadapan pelbagai cabaran dan kemungkinan berlaku peristiwa di luar dugaan. Tidak mustahil perkara seperti krisis mata wang serantau pada tahun 1997 dan 1998 berulang lagi dan jumlah graduan menganggur akan bertambah jika generasi pelapis masa depan tidak berhati-hati dan berwaspada.

Kerajaan telah membuat andaian mengenai apa yang boleh berlaku ke atas anak bangsa kita dan menyeru kita membuat persediaan awal sebaik-baiknya terutama dalam pembangunan



Mesej Timbalan Pengarah HEP & Alumni

Prof Madya Dr Hj Abang Ahmad Ridzuan Abang Awit

insaniah dan pendidikan. Mungkin inilah yang dimaksudkan oleh Comenius (1650) sebagai "wholly educated" dalam kata-katanya "Our wish is that every man and woman should be wholly educated, rightly/armed not only in one single matter or in a few or even in many, but in all things which perfect human nature.

Salah satu daripada tujuh strategi yang disarankan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke arah Fasa Kedua Wawasan 2020 ialah mempercepatkan pembangunan pendidikan dengan penekanan kurikulum kepada teknologi baru. Saranan untuk mempercepatkan pembangunan pendidikan ini merupakan tanggungjawab UiTM untuk menggandakan kemasukan pada semester-semester mendatang. Dalam masa yang sama UiTM akan terus menggiatkan program pengantarabangsaan untuk memupuk kebudayaan dan teknologi terkini. Sejak tahun lepas UiTM Kampus Samarahan telah menerima pertukaran pelajar Amerika Syarikat seramai 16 orang dan pada tahun ini seramai 32 orang lagi telah bersama pelajar-pelajar kita dari 16 Julai hingga 15 Ogos 2005.

Satu lagi strategi kerajaan untuk Wawasan 2020 ialah meneruskan penekanan kepada pembangunan insaniah. Usaha melahirkan "perfect human nature" ini juga telah dikatakan oleh Yang Berbahagia Dato' Seri Naib Canselor dalam perutusan Majlis Perasmian Minggu Mesra Siswa yang lepas sebagai "Personaliti Unggul (Excellence personality). Apa yang beliau maksudkan dengan "Personaliti Unggul ialah sifat terpuji seseorang yang tidak dapat disangkal oleh sesiapa pun. Seseorang yang berpersonaliti unggul adalah dia yang sentiasa rajin berusaha, gigih bekerja, memiliki tingkat kesabaran tertinggi, sentiasa sihat rohani dan jasmani, sentiasa berfikiran terbuka dan seimbang, adil, saksama, jujur, tahu berterima kasih, sedar diri, sentiasa memikirkan kesejahteraan orang lain, tidak pentingkan diri peribadi, tidak mengambil jalan mudah untuk berjaya dan meningkatkan kedudukan diri, sentiasa pemurah, sentiasa membantu, mengenang budi, tidak mudah berputus asa, menghormati sesama makhluk dan mengagungkan kebesaran Ilahi.

Kita yakin UiTM dapat melahirkan graduan yang berpotensi unggul ini yang "dihempas tak pecah, dilentur tak patah dan ditumbang tak rebah".

Jelita sungguh puteri bersanggul
Makan ketupat di laman rumah
Siswa UiTM berpersonaliti unggul
Capai matlamat pembangunan insaniah

" Holistic education, as John P. Miller defines it in The Holistic Curriculum (1996., is essentially concerned with connections in human experience — connections between mind and body, between linear thinking and intuitive ways of knowing, between academic disciplines, between individual and community, and between the personal self and the transpersonal Self that all spiritual traditions believe to exist beyond the personal ego. The Holistic Curriculum concisely describes how holistic thinking integrates spiritual and scientific perspectives, drawing upon romantic, humanistic, and other radical alternatives to the atomistic worldview of the modern age.: (Http://www.infed.org/biblio/holistic education.htm)

Speak Out: UiTMCS Toastmasters Club Corner

Zayn Gregory

The UiTMCS Toastmasters Club kicked off with the first meeting of the new semester. The meeting, held in the Bilik Mesyuarat Utama, was well attended, with five guests visiting for the first time. Guests are always welcome at Toastmasters meetings, and may visit as many times as they like before deciding to join.

The meeting was a lively one, with three prepared speeches given. TM Azilawati Banchit spoke about the prices we all have to pay for the things we desire in her second speech. ATM Dr. Margaret Chan gave her fifth advanced speech on the topic of Motivation Theory. Finally, TM Prabha Ramakrishnan gave a very funny first speech on the very serious topic of heart surgery.

The impromptu-speaking Table Topics segment was a creative exercise in group storytelling. Three guests bravely joined TM Helen Puspam and CTM Dr. Fatimah Bujang to weave a modern fairy tale of excess and consequences. Guests are not obligated to speak at meetings, but En. Lee Beng Yong, Pn. Arrominy Arabi and En. Marwan Hashim showed no hesitation in standing up and speaking out in what is normally considered the most difficult part of Toastmasters training. Well done!

Annual Executive Committee elections resulted in familiar faces taking on different roles. The new ExCo team for the 2005-2006 term is:

TM Zayn Gregory, President
ATM Dr. Simon Botley, Past President
TM Helen Puspam, Vice President Education
TM Shafie Mohamad, Vice President Membership
ATM Dr. Margaret Chan, Vice President Public Relations
TM Jennifer Tunga Janang, Secretary
TM Ong Mooi Lian, Treasurer
TM Azilawati Banchit, Sergeant at Arms

Congratulations to all the new club officers!

The next Toastmasters Training Meeting will be held on Tuesday, September 13 from 12-2 p.m. in the Bilik Mesyuarat Utama. Visitors are all very welcome. All it takes is a little courage and a desire to speak out!



"I was floating in a tunnel toward a very bright light and then a voice told me I had to go back and finish listening to the presentation."

Lawatan Penanda Arasan dan Akademik

Abdul Rahman Saili

Pada 5 Jun hingga 13 Jun 2005, Unit Ladang dan Program DPIM telah menganjurkan Lawatan Penanda Arasan dan Akademik di Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Lawatan yang mengambil masa sembilan hari bermula di Shah Alam dengan rentetan perjalanan seperti berikut; Shah Alam – Pulau Pinang-Perlis-Perak-Melaka-Johor-Selangor –Seremban. Lawatan tersebut telah berpeluang melawat sebelas destinasi yang kebanyakan terdiri daripada ladang sama ada berbentuk ladang komersial, ladang penyelidikan, ladang nuklues dan juga ladang berkonsep taman pertanian. Di antara tujuan lawatan ini adalah untuk mengetahui penyelenggaraan tanaman, kawalan perosak tanaman, penuaian dan penyelenggaraan lepas-tuai, pengurusan pusat Agro-pelancongan dan juga pro pengiktirafan Skim Akreditasi Ladang Malaysia (SALM). Reaksi positif daripada 17 peserta lawatan yang terdiri daripada pensyarah dan kakitangan Unit Ladang membuktikan lawatan ini telah mencapai sasarannya, bak kata perpatah, 'Jauh perjalanan, luas pengalaman". Menurut salah seorang peserta lawatan, Suhardie Ahmad "Lawatan ini dapat membantu kami pekerja ladang di dalam mencambah idea untuk kerja-kerja pengurusan ladang yang lebih baik".

Puan Hasmah Mohidin, salah seorang pensyarah yang turut serta di dalam lawatan tersebut, berpendapat, "Lawatan ini dapat memberi ruang mengenalpasti dan meningkatkan peluang kajian di sektor pertanian dan perladangan".

"Get your facts first and then you can distort them as much as you please." - Mark Twain





















"Holistic education is essentially concerned with connections in human experience – connections between mind and body, between linear thinking and intuitive ways of knowing, between academic disciplines, between individual and community, and between the personal self and the transpersonal Self that all spiritual traditions believe to exist beyond the personal ego."

